

Rujukan Kami (Our Ref) :UMP.02.01/10.12/2/1 (10)

15 Jun 2016

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 1 TAHUN 2016:
DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2016 mengenai dasar cuti peristiwa hubung-kaitan cuti umum tahun 2016 untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2016

DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2016

TUJUAN

- 1.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai dasar mewajibkan Cuti Peristiwa yang mempunyai hubungan-kaitan cuti umum sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2016 kepada semua staf UMP.

LATARBELAKANG

- 2.0 Mulai tahun 2011 dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah melaksanakan cuti rehat wajib (peristiwa) kepada semua staf UMP. Dasar cuti mandatori telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2011. Pelaksanaan cuti rehat wajib (peristiwa) ini bertujuan mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangkakan bekerja pada tarikh berkenaan adalah dalam jumlah yang tersangat kecil.

PELAKSANAAN

- 3.0 Selaras dengan keputusan pihak Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang telah bersidang pada 09 Jun 2016, semua staf **diwajibkan** mengambil cuti rehat pada **08 Julai 2016 (Jumaat)** dan cuti tersebut akan diambilkira daripada kelayakan Cuti Rehat Tahunan yang diperolehi pada tahun semasa. Staf tidak perlu membuat sebarang permohonan cuti pada tarikh berkenaan kerana ianya akan ditolak secara automatik melalui sistem cuti rehat di ecommunity.
- 4.0 Walau bagaimanapun, bagi staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Univeristi ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan oleh Ketua Jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, diberi pengecualian daripada diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada tarikh berkenaan dan permohonan perlulah dibuat melalui e-community.
- 5.0 Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan universiti ini tidak terjejas berikutan semua staf diarah mengambil Cuti Rehat pada tarikh-tarikh tersebut, semua talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-5492515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6.0 Dalam melaksanakan dasar cuti rehat wajib (peristiwa) ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang adalah diminta untuk memastikan keselamatan pejabat seperti pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TARIKH KUATKUASA

7.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 14 Jun 2016

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)